



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/5/2011

Peruntuk tiga peratus bajet tahunan untuk R&D - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 5 Mei - Kerajaan perlu memperuntukkan kira-kira tiga peratus daripada belanjawan tahunan pada masa akan datang untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan itu penting demi memastikan negara mampu terus berdaya saing dalam pasaran global serta mengoptimalkan keuntungan pelbagai produk tempatan.

"Sebagai penasihat Proton (Holdings Sdn. Bhd.), saya juga kini bersama Proton untuk meminta peruntukan kerajaan bagi tujuan R&D dan kami menggunakan RMSO juta untuk mencipta kereta elektrik hibrid.

"Secara perbandingan, General Motors pula menggunakan AS\$3 bilion (RM8.9 bilion) untuk mencipta kereta hibrid mereka. Jadi wang diperlukan untuk penyelidikan," katanya ketika berucap pada majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-25 MIMOS Bhd. (MIMOS) di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Sen Dr. Maximus Ongkili dan Pengerusi MIMOS, Datuk Suriah Abdul Rahman.

Dr. Mahathir berkata, kewujudan MIMOS sejak 25 tahun lalu berjaya mengubah pemikiran rakyat negara ini dalam bidang R&D khususnya berkaitan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dalam pada itu, Maximus berkata, Malaysia mampu muncul sebagai negara terbaik di peringkat ASEAN yang mempatenkan hasil inovasi tempatan serta mengkomersialkan produk berkenaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

"MIMOS telah membuktikan kemampuan itu dengan menyediakan corong pasaran perniagaan bernilai



MAXIMUS Ongkili menyampaikan Anugerah Kepimlpnan ICT Negara kepada Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

lebih RM1 bilion melalui pembangunan lebih 20 prototaip sejak 2006," ujarnya.

Pada majlis tersebut, Dr. Maha-

thir turut diberi penghormatan sebagai penerima Anugerah Kepimpinan ICT Negara oleh MIMOS.

25 tahun lalu, Dr. Mahathir me-

luluskan peruntukan RM5 juta untuk tujuan R&D ICT negara melalui penubuhan MIMOS, selepas menerima cadangan kertas kerja dari-

pada pengasas agensi itu, Datuk Tengku Dr. Mohd. Azzman Shariffadeen dan seorang lagi pakar dari Sweden.